

**Pasukan penyelamat** mencari mangsa yang tertimbus selepas bangunan runtuh di pulau Lesbos di Greece, kelmarin.

BERITA HARIAN 14/6/17 ms 41

# Seorang maut gempa kuat landa Turki, Greece

**Istanbul:** Seorang wanita maut manakala 10 lagi cedera dengan banyak bangunan runtuh selepas gempa bumi kuat 6.3 magnitud melanda perairan barat Turki dan Kepulauan Lesbos di Greece, semalam.

Komander Bomba, Marios Apostolides, berkata wanita berkenaan dilaporkan terperangkap lebih tujuh jam dalam runtuhannya rumahnya manakala di Vrisa.

“Seorang warga kami yang terperangkap dalam rumah berjaya ditarik keluar. Tapi kami gagal menyelamatkan nyawanya selepas tertimbus lebih tujuh jam,” kata Datuk Bandar Lesbos, Spyrod Galinos.

Laporan laman web Pusat Seismologi Eropah-Mediterranean (EMSC) menyebut, pusat gempa itu dikesan kira-kira 84 kilometer di barat laut wilayah Izmir manakala Pemantau Nasional Athens pula mencatatkan ukuran gempa pada 6.1 magnitud.

## **Terasa sehingga ke Athens**

Kesan gegaran dirasai hingga ke Athens, kira-kira 367 kilometer di barat daya kepulauan berkenaan.

Kerosakan besar turut dikesan di beberapa perkampungan di Lesbos yang berdepan krisis banjir pelarian dua tahun lalu apabila ia menjadi tumpuan pelarian perang sebagai pintu masuk ke Eropah.

Rakaman televisyen turut menyiarkan visual runtuhannya bangunan di jalan sempit di Vrisa yang dihuni lebih 600 penduduk.

Sementara itu, kira-kira 15 orang hilang selepas sebuah bangunan tujuh tingkat runtuh di kawasan penduduk di Nairobi, Kenya, kata perkhidmatan penyelamat, semalam.

Bulan Sabit Kenya dalam Twitter berkata, sebuah bangunan runtuh di pinggir bandar timur Nairobi, manakala pertubuhan St John berkata, seramai 15 orang dilaporkan hilang dalam kejadian pada malam Isnin.

REUTERS